

27hb. Mei, 1977

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1977¹

Pindaan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1970 mengenai bekerja semula bagi orang-orang berpencen

Saya diarah menarik perhatian kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1973](#) dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1974](#) mengenai dengan pembayaran gaji permulaan bagi orang-orang berpencen yang diambil bekerja semula di jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam.

2. Jabatan ini telah menerima banyak pertanyaan samada perbekalan Surat-surat Pekeliling itu boleh dipakai untuk bekas anggota tentera yang telah bersara dan diambil semula bekerja di jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam. Maka dengan ini dijelaskan bahawa kemudahan-kemudahan di dalam Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan yang dinyatakan itu adalah juga dipanjangkan kepada bekas anggota tentera yang telah bersara samada dengan menerima pencen atau dengan menerima ganjaran sahaja yang diambil semula bekerja dalam perkhidmatan awam.

3. Penyelarasan gaji yang tertentu bagi mereka yang terlibat bolehlah dilakukan secara isyarat (notional) mulai daripada 1hb. Jun, 1973.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. SALLEH BIN YAHYA)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara.
Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

¹. Dibatalkan oleh [PP Bil. 7/78](#) berkuatkuasa pada 1 Julai 1977.